Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing

Malaysia terus mengekalkan dasar pentadbiran pertukaran asing yang liberal. Peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa sebahagian besarnya merupakan langkah berhemat bagi menyokong objektif makroekonomi secara keseluruhan untuk mengekalkan kestabilan kewangan dan ekonomi.

I. DEFINISI

Bukan pemastautin:
- Cawangan luar negara, subsidiari luar negara, pejabat serantau luar negara, pejabat jualan, pejabat wakil bagi syarikat pemastautin;
- Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia; atau
- Warganegara Malaysia yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap bagi wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar Malaysia.

Pemastautin:
- Warganegara Malaysia (tidak termasuk orang yang telah memperoleh status pemastautin tetap bagi wilayah di luar Malaysia dan sedang menetap di luar negara);
- Bukan warganegara yang telah memperoleh status pemastautin tetap di Malaysia dan tinggal secara tetap di Malaysia; atau
- Entiti, sama ada syarikat yang diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang berdaftar atau diluluskan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia.

Aset ringgit termasuk:
- Sekuriti dalam denominasi ringgit termasuk bil pertukaran, sekuriti hutang swasta, bon atau nota Cagamas, Sekuriti Kerajaan Malaysia, Bil Perbendaharaan, saham dan waran;
- Derivatif yang diniagakan di Bursa Malaysia dan derivatif di kaunter (OTC) (kecuali derivatif OTC dan produk-produk berstruktur yang setara dengan pemberian pinjaman atau membuat peminjaman dalam ringgit antara pemastautin dengan bukan pemastautin);
- Deposit tetap dan instrumen deposit boleh niaga dalam denominasi ringgit;
- Harta tak alih di Malaysia; dan
- Aset-aset tetap yang lain di Malaysia.

Aset mata wang asing termasuk:
- Pelaburan ekuiti/portfolio di luar negara;
- Pemberian pinjaman kepada bukan pemastautin;
- Deposit dalam mata wang asing di dalam atau di luar negara; dan
- Pelaburan dalam produk mata wang asing yang diluluskan, yang dipasarkan oleh bank tempatan berlesen, dan oleh mana-mana pemastautin yang dibenarkan oleh Pengawal Pertukaran Asing (Pengawal).

Peminjaman ringgit domestik merujuk kepada sebarang pendahuluan, pinjaman, pembiayaan perdagangan, sewa beli, pemfaktoran, kemudahan pajakan, saham keutamaan boleh tebus atau kemudahan yang serupa dalam apa jua nama atau bentuk, yang dalam denominasi ringgit, kecuali:
- Kredit perdagangan yang diberi oleh penyedia bagi semua jenis barangan dan perkhidmatan;
- Kontrak tukaran hadapan yang diikat dengan bank tempatan berlesen;
- Satu pinjaman perumahan persendirian dan satu pinjaman kenderaan yang diperoleh daripada pemastautin;
- Kemudahan kad kredit dan kad caj; dan
- Peminjaman antara syarikat dalam sesuatu kumpulan korporat di Malaysia.

II. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang Terpakai kepada BUKAN PEMASTAUTIN

PELABURAN LANGSUNG ASING DAN PELABURAN PORTFOLIO OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
Peraturan pentadbiran pertukaran asing menyokong dan memudahkan pelaburan bukan pemastautin di Malaysia.	
• Pembelian aset ringgit	• Bebas untuk membeli sebarang aset ringgit termasuk bon dalam denominasi ringgit yang diterbitkan oleh bukan pemastautin di Malaysia.
• Pemerolehan ringgit bagi pembiayaan aset ringgit	• Ringgit untuk pembiayaan pelaburan tersebut boleh diperoleh daripada: ✓ Akaun Luaran bukan pemastautin[1]; ✓ Penjualan mata wang asing pada asas semerta atau hadapan dengan bank tempatan berlesen atau cawangan-cawangan luar negara yang dilantik oleh bank tempatan berlesen; atau ✓ Peminjaman tempatan.
• Peminjaman tempatan	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun dalam mata wang asing daripada bank tempatan berlesen. • Dibenarkan untuk meminjam dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen sehingga agregat RM10 juta untuk sebarang tujuan di Malaysia termasuk pembiayaan pembelian aset ringgit. • Dibenarkan untuk meminjam sebarang amaun bagi pembiayaan margin daripada syarikat broker saham pemastautin.
• Penjualan pelaburan/ pendapatan daripada pelaburan	• Bebas untuk menghantar balik dana daripada penjualan pelaburan aset ringgit, atau keuntungan/dividen hasil daripada pelaburan. • Walau bagaimanapun, penghantaran balik dana mesti dibuat dalam mata wang asing selain mata wang Israel.
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai terhadap dedahan yang timbul daripada pelaburan dalam aset ringgit yang dibuat pada atau selepas 1 April 2005 dengan bank tempatan berlesen atau cawangan-cawangan luar negara yang dilantik oleh bank tempatan berlesen.
PELABURAN DALAM HARTA TAK ALIH OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembelian harta tak alih	• Bebas untuk membeli bangunan kediaman dan komersial di Malaysia. • Pembelian sedemikian hanya perlu mematuhi garis panduan[2] yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (Foreign Investment Committee, FIC). Untuk mendapatkan keterangan lanjut, sila rujuk http://www.epu.jpm.my/
• Peminjaman tempatan	• Bebas untuk meminjam sebarang amaun bagi membiayai atau membiayai semula pembelian bangunan kediaman dan komersial di Malaysia, kecuali untuk pembelian tanah sahaja.

[1] Akaun Luaran adalah akaun dalam ringgit yang disenggarakan dengan bank tempatan berlesen oleh atau untuk bukan pemastautin
[2] (a) Kebenaran daripada FIC tidak diperlukan bagi bukan pemastautin yang membeli bangunan kediaman melebihi RM250,000; dan
(b) Bukan pemastautin di bawah program "Malaysia My Second Home" adalah dikecualikan daripada keperluan mendapat kebenaran.

PEMBERIAN PINJAMAN DALAM RINGGIT DAN DALAM MATA WANG ASING OLEH BUKAN PEMASTAUTIN KEPADA PEMASTAUTIN

- Pemberian pinjaman dalam ringgit
  - Pemberian pinjaman dalam ringgit oleh bukan pemastautin kepada pemastautin perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal.
- Pemberian pinjaman dalam mata wang asing
  - Bebas untuk memberikan pinjaman dalam mata wang asing kepada pemastautin selagi jumlah pinjaman mata wang asing pemastautin itu tidak melebihi had yang berikut:

Individu pemastautin	Bersamaan RM10 juta secara agregat
Korporat pemastautin	Bersamaan RM100 juta secara agregat berdasarkan kumpulan korporat

  - Adalah menjadi tanggungjawab peminjam pemastautin untuk memperoleh kebenaran daripada Pengawal untuk meminjam melebihi had yang dibenarkan.

PEMINJAMAN OLEH BUKAN PEMASTAUTIN DARIPADA PEMASTAUTIN

- Peminjaman mata wang asing daripada bank tempatan berlesen
  - Bebas untuk memperoleh sebarang amaun pinjaman mata wang asing daripada bank tempatan berlesen.
- Peminjaman mata wang asing daripada pemastautin bukan bank
  - Bebas untuk memperoleh peminjaman mata wang asing daripada pemastautin bukan bank seperti yang berikut:

Pemberi pinjaman pemastautin	**Jumlah**
Pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik	Tiada had
Pemastautin yang mempunyai atau tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik, menggunakan dana mata wang asing milik sendiri yang disenggarakan di Malaysia atau di luar negara	Tiada had
Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik* ✓ Individu ✓ Korporat	Melalui penukaran ringgit sehingga: ✓ RM1 juta secara agregat setahun kalendar ✓ RM50 juta secara agregat setahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat

* Dengan syarat jumlah keseluruhan pelaburan oleh pemberi pinjaman pemastautin dalam aset mata wang asing, termasuk pemberian pinjaman dalam mata wang asing tidak melebihi had yang dibenarkan.

<table>
<tr><td>• Peminjaman dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen dan pemastautin bukan bank</td><td>• Bebas untuk memperoleh peminjaman dalam ringgit daripada bank tempatan berlesen dan pemastautin bukan bank seperti yang berikut:<table>
<tr><td>Peminjaman oleh bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank koresponden) daripada bank tempatan berlesen bagi sebarang tujuan di Malaysia</td><td>Sehingga RM10 juta secara agregat</td></tr>
<tr><td>Peminjaman oleh syarikat broker saham atau bank kustodian bukan pemastautin daripada bank tempatan berlesen untuk penyelesaian saham ringgit di Bursa Malaysia dan RENTAS yang berpunca daripada kelewatan yang tidak disengajakan dalam penerimaan dana</td><td>Tiada had</td></tr>
<tr><td>Peminjaman oleh bukan pemastautin (selain syarikat broker saham dan bank koresponden) daripada bank tempatan berlesen dan syarikat broker saham pemastautin bagi kemudahan pembiayaan margin</td><td>Tiada had</td></tr>
<tr><td>Peminjaman daripada bank tempatan berlesen atau pemastautin bukan bank bagi membiayai atau membiayai semula pembelian harta kediaman dan komersial di Malaysia</td><td>Tiada had</td></tr>
<tr><td>Peminjaman daripada pemastautin bukan bank</td><td>Sehingga RM10,000 secara agregat</td></tr>
<tr><td>Peminjaman daripada syarikat insurans pemastautin</td><td>Sehingga jumlah nilai serahan tunai polisi insurans yang dibeli oleh bukan pemastautin</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td colspan="2">TERBITAN BON/SUKUK DALAM DENOMINASI RINGGIT DAN MATA WANG ASING DI MALAYSIA OLEH BUKAN PEMASTAUTIN</td></tr>
<tr><td>• Terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit atau mata wang asing</td><td>• Bank Pembangunan Pelbagai Hala, Institusi Kewangan Pelbagai Hala, kerajaan asing, agensi kuasi-kerajaan asing dan syarikat multinasional asing boleh menerbitkan bon/sukuk dalam denominasi ringgit atau mata wang asing di Malaysia.</td></tr>
<tr><td>• Penggunaan perolehan daripada bon/sukuk</td><td>• Perolehan daripada terbitan bon/sukuk dibenarkan untuk digunakan di dalam dan luar negeri.
• Perolehan daripada terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit untuk kegunaan di luar negeri perlu ditukar kepada mata wang asing dengan bank tempatan berlesen.</td></tr>
</table>

• Perlindungan nilai	• Penerbit adalah bebas untuk melindung nilai terhadap dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/keuntungan yang berpunca daripada terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit dan juga faedah/keuntungan yang berikutnya serta pembayaran kupon dengan bank tempatan berlesen. • Pelabur bukan pemastautin bagi bon/sukuk adalah bebas untuk melindung nilai dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah/ keuntungan dengan bank tempatan berlesen.
• Garis panduan untuk terbitan	• Butir-butir khusus tentang garis panduan dan insentif untuk terbitan bon/sukuk dalam denominasi ringgit dan mata wang asing di Malaysia boleh diperoleh daripada mana-mana laman web yang berikut: ✓ http://www.mifc.com ✓ http://www.bnm.gov.my/fxadmin ✓ http://www.sc.com.my
PERLINDUNGAN NILAI OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Perlindungan nilai aset ringgit	• Bebas melindung nilai dengan bank tempatan berlesen dedahan kadar pertukaran dan kadar faedah yang berpunca daripada pelaburan dalam aset ringgit yang dibeli pada atau selepas 1 April 2005, dan juga pelaburan dalam bon/sukuk dalam denominasi ringgit yang diterbitkan di Malaysia oleh bukan pemastautin.
PEMBUKAAN AKAUN RINGGIT DAN MATA WANG ASING DI MALAYSIA OLEH BUKAN PEMASTAUTIN	
• Pembukaan akaun dalam ringgit dan mata wang asing	• Bebas untuk membuka akaun ringgit dan mata wang asing dengan bank tempatan berlesen. • Akaun ringgit yang disenggarakan oleh bukan pemastautin dengan bank tempatan berlesen di Malaysia disebut sebagai 'Akaun Luaran'.
• Penghantaran balik/ penggunaan dana dalam akaun ringgit atau mata wang asing	• **Akaun Luaran** ✓ Bebas untuk membuat penukaran dengan bank tempatan berlesen untuk penghantaran balik ke luar negara. ✓ Bebas untuk membayar pemastautin untuk sebarang tujuan, melainkan yang berikut: ➢ Pembayaran untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan; ➢ Pemberian pinjaman dalam ringgit kepada pemastautin selain yang dibenarkan oleh Pengawal; dan ➢ Pembayaran bagi pihak ketiga. ✓ Bebas untuk membayar kepada Akaun Luaran bukan pemastautin bagi penyelesaian pembelian aset ringgit. • **Akaun mata wang asing** ✓ Bebas untuk menghantar balik. ✓ Bebas untuk membayar pemastautin untuk sebarang tujuan termasuk penyelesaian pembelian barangan dan perkhidmatan.

IMPORT DAN EKSPORT RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PENGEMBARA BUKAN PEMASTAUTIN	
• Import dan eksport wang kertas ringgit	• Dibenarkan untuk mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000.
• Import wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Tiada had.
• Eksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Sehingga bersamaan dengan amaun yang dibawa masuk ke Malaysia atau USD10,000, bergantung pada mana yang lebih tinggi.
• Pengisytiharan import dan eksport mata wang asing	• Perlu mengisytiharkan dalam Kad Ketibaan/Berlepas (IMM.26) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia bagi wang kertas mata wang asing dan cek kembara yang melebihi USD10,000.
• Import dan eksport ringgit dan mata wang asing yang melebihi had yang dibenarkan	• Permohonan boleh dibuat secara dalam talian dengan menggunakan Borang 13 yang boleh didapati di http://www.bnm.gov.my/fxadmin, atau dikemukakan melalui permohonan bertulis kepada Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia. • Kebenaran akan diberikan dalam masa satu hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.

III. Peraturan Pentadbiran Pertukaran Asing yang Terpakai kepada PEMASTAUTIN

PELABURAN DALAM ASET MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
Had-had semasa bagi pelaburan dalam aset mata wang asing hanya terpakai kepada pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik dan yang menukar ringgit kepada mata wang asing untuk melabur dalam aset mata wang asing.	
• Pelaburan dalam aset mata wang asing	• Tiada had bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik, menggunakan dana ringgit atau mata wang asing sendiri. • Pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik adalah dibenarkan untuk melabur seperti yang berikut: ✓ Individu pemastautin: ➢ Tiada had sekiranya dibiayai oleh dana mata wang asing milik sendiri; ➢ Jumlah agregat sehingga bersamaan RM1 juta dalam satu tahun kalendar, sekiranya daripada pertukaran ringgit; dan ➢ Jumlah agregat sehingga bersamaan RM10 juta jika dibiayai oleh peminjaman mata wang asing. ✓ Syarikat pemastautin: ➢ Tiada had jika dibiayai dengan dana mata wang asing milik sendiri; ➢ Tiada had jika dibiayai oleh dana yang diperoleh daripada penyenaraian saham melalui tawaran awam awal: - di Papan Utama Bursa Malaysia; atau - pasaran saham asing ➢ Jumlah agregat sehingga bersamaan RM50 juta dalam satu tahun kalendar berdasarkan kumpulan korporat sekiranya daripada pertukaran ringgit; dan ➢ Jumlah agregat sehingga bersamaan RM100 juta berdasarkan kumpulan korporat sekiranya dibiayai dengan peminjaman mata wang asing.
• Pelaburan dalam aset mata wang asing oleh pelabur institusi pemastautin ✓Syarikat pengurusan amanah saham ✓Syarikat pengurusan dana ✓Penanggung insurans dan pengendali takaful	✓ Syarikat pengurusan amanah saham: ➢ Pelaburan daripada dana Islam - Tiada had ➢ Pelaburan daripada dana konvensional **Dana mata wang asing** - 100% daripada nilai aset bersih(net asset value, NAV) **Dana ringgit** - 100% daripada NAV yang dilanggan oleh bukan pemastautin; - 100% daripada NAV yang dilanggan oleh pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan - 50% daripada NAV yang dilanggan oleh pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik.

	✓ Syarikat pengurusan dana: ➢ Dana dimandatkan untuk dilaburkan dalam aset berlandaskan Syariah – Tiada had. ➢ Dana dimandatkan untuk dilaburkan dalam aset bukan berlandaskan Syariah **Dana mata wang asing** – Tiada had **Dana ringgit** – 100% jumlah dana diuruskan bagi bukan pemastautin; – 100% jumlah dana diuruskan bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; dan – 50% daripada jumlah dana diuruskan bagi pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik. ✓ Penanggung insurans dan pengendali takaful, termasuk unit perniagaan mata wang antarabangsa pengendali takaful dan pengendali takaful antarabangsa: **Dana mata wang asing** - 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan dalam mata wang asing yang dipasarkan kepada pemastautin dan bukan pemastautin **Dana ringgit** - 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan kepada bukan pemastautin; - 100% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan kepada pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; - 50% daripada NAV dana berkaitan pelaburan yang dipasarkan kepada pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik; - 10% daripada margin kesolvenan bagi penanggung insurans; dan - 5% daripada jumlah aset bagi pengendali takaful.
• Pembayaran bagi pembelian aset mata wang asing	• Aset mata wang asing di luar negeri: ✓ Pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang asing selain mata wang Israel. ✓ Mata wang asing boleh diperoleh daripada penukaran ringgit dengan bank-bank tempatan berlesen atau dana mata wang asing milik sendiri. • Aset mata wang asing tempatan yang ditawarkan oleh bank-bank tempatan berlesen atau entiti[3] yang diluluskan oleh Pengawal ✓ Pembayaran boleh dibuat dalam mata wang asing atau ringgit.

[3] Contoh: (a) Syarikat amanah saham yang menawarkan dana amanah saham dalam mata wang asing
(b) Bursa Malaysia bagi dagangan produk derivatif dalam mata wang asing seperti niaga hadapan minyak sawit mentah.

• Penjualan pelaburan/ pendapatan daripada pelaburan dalam aset mata wang asing	• Bebas untuk menghantar balik dan menukar hasil jualan pelaburan atau pendapatan daripada pelaburan dalam aset mata wang asing kepada ringgit. • Bebas untuk menyimpan pendapatan tersebut dalam akaun mata wang asing.
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen bagi pelaburan dalam aset mata wang asing berdasarkan komitmen yang sah.
PEMINJAMAN DALAM MATA WANG ASING DAN RINGGIT OLEH PEMASTAUTIN	
• Peminjaman mata wang asing	
✓ oleh individu pemastautin	• Bebas untuk meminjam dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM10 juta secara agregat daripada: ✓ bank-bank tempatan berlesen; dan ✓ bukan pemastautin.
✓ oleh syarikat pemastautin	• Bebas untuk meminjam dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM100 juta secara agregat berdasarkan kumpulan korporat: ✓ daripada bank-bank tempatan berlesen; ✓ daripada bukan pemastautin; dan ✓ melalui terbitan bon mata wang asing di dalam dan di luar negara.
✓ Pendapatan daripada penyenaraian di luar negara	• Bebas untuk meminjam daripada syarikat pemastautin yang lain dalam kumpulan korporat yang sama, pendapatan mata wang asing yang diperoleh daripada penyenaraian di pasaran saham luar negara.
✓ Kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing	• Bebas untuk memperoleh kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing daripada bank-bank tempatan berlesen. • Kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing (selain pembiayaan eksport barangan) daripada luar negara sehingga bersamaan RM5 juta secara agregat. • Kemudahan pembiayaan perdagangan bagi eksport barangan hendaklah diperoleh daripada bank-bank tempatan berlesen sahaja.
✓ Pembayaran balik dan pembayaran awal	• Bebas untuk membuat pembayaran balik dan pembayaran awal peminjaman mata wang asing yang diluluskan.
✓ Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai pengeluaran dan pembayaran balik peminjaman mata wang asing dengan bank-bank tempatan berlesen.
• Peminjaman dalam ringgit daripada bukan pemastautin	• Pemastautin hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran untuk memperoleh sebarang amaun peminjaman dalam ringgit daripada bukan pemastautin.

TERBITAN SEKURITI DALAM DENOMINASI RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
• Terbitan sekuriti kepada bukan pemastautin	• Bebas untuk menerbitkan sekuriti-sekuriti dalam ringgit yang berdaftar di Malaysia kepada bukan pemastautin seperti yang berikut: ✓ Saham biasa, termasuk bonus dan terbitan hak; ✓ Saham keutamaan tidak boleh tebus; dan ✓ Sekuriti hutang swasta. • Kebenaran hendaklah terlebih dahulu diperoleh bagi terbitan sekuriti selain yang tersebut di atas kepada bukan pemastautin.
• Terbitan bon/sukuk: ✓ Bon/sukuk dalam denominasi ringgit	• Bebas untuk menerbitkannya di Malaysia.
✓ Bon/sukuk dalam denominasi mata wang asing	• Dibenarkan asalkan jumlah peminjaman mata wang asing, termasuk bon/sukuk tidak melebihi nilai bersamaan RM100 juta.
• Penggunaan perolehan bon: ✓ Bon/sukuk dalam denominasi ringgit	• Bebas digunakan di dalam negeri. • Bebas digunakan untuk pelaburan dalam aset mata wang asing dengan syarat jumlah pelaburan penerbit tidak melebihi agregat bersamaan RM50 juta setiap tahun kalendar.
✓ Bon/sukuk dalam denominasi mata wang asing	• Bebas digunakan di dalam dan di luar negara.
• Garis panduan untuk terbitan	• Garis panduan terbitan boleh diperoleh di: ✓ http://www.mifc.com ✓ http://www.bnm.gov.my/fxadmin ✓ http://www.sc.com.my
EKSPORT DAN IMPORT BARANGAN DAN PERKHIDMATAN OLEH PEMASTAUTIN	
• Mata wang bagi pembayaran import dan eksport	• Pembayaran hendaklah dibuat dalam mata wang asing selain mata wang Israel.
• Membawa balik pendapatan eksport	• Mesti dibawa balik sepenuhnya ke Malaysia seperti yang dinyatakan dalam kontrak jualan dan tidak melebihi enam bulan daripada tarikh eksport. • Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu sekiranya pemastautin: ✓ Mengofset pendapatan eksport dengan bayaran-bayaran lain kepada bukan pemastautin; atau ✓ Menerima pendapatan eksport yang melebihi enam bulan daripada tarikh eksport.

• Penyimpanan pendapatan eksport	• Bebas untuk disimpan dalam akaun mata wang asing dan akaun ringgit dengan bank-bank tempatan berlesen. • Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu untuk menyimpan pendapatan eksport dalam akaun mata wang asing yang disenggarakan di bank di luar negara.
• Perlindungan nilai	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen bagi pembayaran atau penerimaan untuk import atau eksport barangan dan perkhidmatan berdasarkan: ✓ Komitmen yang sah; atau ✓ Anggaran, sehingga had jumlah yang sebenar dibayar atau diterima dalam tempoh 12 bulan sebelumnya.
PEMBUKAAN AKAUN MATA WANG ASING OLEH PEMASTAUTIN	
• Pembukaan akaun mata wang asing	• Bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan bank tempatan berlesen dan bank di luar negara.
• Sumber dana	• Akaun tersebut boleh dikreditkan dengan dana mata wang asing yang diperoleh: ✓ Daripada pertukaran ringgit dengan bank tempatan berlesen: ➢ Tiada had bagi pemastautin yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik; ➢ Bagi pemastautin yang mempunyai peminjaman ringgit domestik, sehingga had yang dibenarkan bagi pelaburan dalam aset mata wang asing. Tambahan had diberikan bagi pendidikan dan pekerjaan di luar negara seperti yang berikut: - sehingga USD150,000 masing-masing, dengan bank-bank tempatan berlesen atau di luar pesisir di Labuan; dan - sehingga USD50,000 dengan bank-bank luar negara ✓ Daripada pemastautin lain bagi tujuan yang dibenarkan; dan ✓ Daripada bukan pemastautin. Pendapatan eksport boleh disimpan dengan bank-bank tempatan berlesen sahaja.
• Pembukaan akaun mata wang asing bersama	• Individu pemastautin adalah bebas untuk membuka akaun mata wang asing bersama bagi sebarang tujuan. • Walau bagaimanapun, syarikat pemastautin dikehendaki mendapatkan kebenaran terlebih dahulu untuk membuka akaun mata wang asing bersama.
PEMBAYARAN ANTARA PEMASTAUTIN	
• Pembayaran dalam ringgit	• Tiada sekatan.
• Pembayaran dalam mata wang asing	• Syarikat pemastautin yang mempunyai pendapatan eksport adalah bebas untuk membayar syarikat pemastautin yang lain dalam mata wang asing bagi menjelaskan pembayaran barangan dan perkhidmatan.

PERLINDUNGAN NILAI OLEH PEMASTAUTIN	
• Perlindungan nilai bagi transaksi akaun semasa	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen untuk pembayaran dan penerimaan import dan eksport barangan dan perkhidmatan berdasarkan: ✓ Komitmen yang sah; atau ✓ Anggaran, dengan syarat jumlah yang dilindung tidak melebihi jumlah keseluruhan yang dibayar atau diterima dalam tempoh 12 bulan sebelumnya.
• Perlindungan nilai bagi transaksi akaun modal	• Bebas untuk melindung nilai dengan bank-bank tempatan berlesen berasaskan penerimaan atau keluaran modal yang sah dengan bank-bank tempatan berlesen. • Pemastautin juga dibenarkan untuk melindung nilai pegangan semasa aset mata wang asing mereka.
IMPORT DAN EKSPORT RINGGIT DAN MATA WANG ASING OLEH PENGEMBARA PEMASTAUTIN	
• Import dan eksport wang kertas ringgit	• Dibenarkan mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000.
• Import wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Tiada had.
• Eksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara	• Dibenarkan mengeksport wang kertas mata wang asing dan cek kembara sehingga bersamaan USD10,000.
• Import dan eksport ringgit dan mata wang asing melebihi had-had yang dibenarkan	• Permohonan boleh dibuat secara dalam talian, dengan menggunakan Borang 13 yang boleh didapati di http://www.bnm.gov.my/fxadmin ataupun dengan mengemukakan permohonan bertulis kepada Jabatan Pentadbiran Pertukaran Asing, Bank Negara Malaysia. • Jawapan akan diberikan dalam tempoh satu hari dari tarikh penerimaan permohonan yang lengkap.